

# SPR daftar lebih tujuh juta pengu

BH 29 APR 1984

Oleh Kamal Ahmad dan Lichong Angkui

KUALA LUMPUR, Isnin — Sebanyak 7,438,156 pengundi disahkan berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) di seluruh Semenanjung dan Sabah sehingga April tahun lalu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Daripada jumlah itu, negeri di Semenanjung, termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai 6,839,844 pengundi.

Menurutnya, jumlah pemilih Sabah ialah 598,312 orang. Berasaskan kepada 20 bahagian Parlimen dan 48 bahagian negeri di Sabah, purata pemilih Parlimen ialah 29,915 orang manakala purata pemilih negeri pula ialah 12,464 orang.

Beliau berkata demi-

kian ketika membentangkan Usul Laporan Ulang Kaji dan Persempadanan Bahagian-Bahagian Parlimen dan Negeri bagi negeri Tanah Melayu dan Sabah di Dewan Rakyat, hari ini.

Dr Mahathir berkata, laporan SPR mengenai ulang kaji dan persempadanan Semenanjung dan Sabah setebal 700 muka surat itu mengandungi enam bab iaitu dari A hingga F.

Ia terkandung dalam dua jilid dengan Jilid I mengandungi Bab A hingga Bab E manakala Jilid II pula mempunyai Bab F, iaitu peta.

Bagi tujuan persempadanan bahagian pilihan raya, Fasal (6) Perkara 113 Perlembagaan membahagikan Malaysia kepa-

da unit ulang kaji yang berasingan iaitu:

- Negeri-Negeri Tanah Melayu (termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Labuan);
- Negeri Sabah; dan
- Negeri Sarawak (yang tidak terbabit dalam ulang kaji ini).

Perdana Menteri berkata, Bab A menerangkan mengenai latar belakang perkara berkaitan, termasuk keadaan sesebuah negeri, skop, penentuan bilangan pemilih dan keadaan kemasyarakatan setempat.

Bab B menjelaskan mengenai aspek perundangan, panduan tugas dan kriteria pembahagian kawasan yang dipersempadankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Bab itu turut menerangkan bagaimana SPR menjalankan ulang kaji dan persempadanan serta maklumat lain mengenai prinsip persempadanan, daftar pemilih, asas yang digunakan, purata bilangan pemilih bagi Parlimen dan negeri, pembahagian daerah mengundi, nama bahagian pilihan raya dan pemetaan.

Bab C, kata Dr Mahathir, ialah mengenai keterangan berhubung notis, pengesyoran, pameran, rayuan serta bantahan dan seterusnya mengenai pindaan kepada syor SPR mengikut prosedur yang terkandung dalam Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan.

Menerusi notis yang dipamerkan kali pertama